

U B112 AAB

HAHATHIR - BMF

1984

KUALA LUMPUR, 16 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI ENGGAN MENGULAS LAPORAN SEBUAH AKHBAR TEMPATAN BAHAWA JAWATANKUASA PENYIASATAN BMF KONONNYA MEMBERI KATA DUA KEPADA KERAJAAN SUPAYA MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP +ORANG-ORANG TERTENTU+ YANG TERLIBAT DALAH ISU PINJAMAN ITU.

PERDANAMENTERI YANG DITEMUIDI BANGUNAN PARLIMEN PETANG INI JUGA ENGGAN MENGESAHKAN SAMA ADA LAPORAN KEDUA JAWATANKUASA TERSEBUT TELAH DISERAHKAN KEPADA KERAJAAN SEPERTI YANG DILAPORKAN.

+KENAPA ANDA TIDAK TANYA SAHAJA KEPADA AKHBAR BERKENAAN. AKHBAR ITU NAMPAKNYA LEBIH TAHU DARIPADA SAYA,+ KATANYA.

MENURUTNYA LAPORAN AKHBAR ITU HARI INI, LAPORAN KEDUA JAWATANKUASA ITU TELAH DISERAHKAN KEPADA KERAJAAN DAN DALAM LAMPIRAN LAPORAN ITU, TEMPOH SEMINGGU IAITU SEHINGGA HARI INI DIBERI KEPADA KERAJAAN UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP ORANG-ORANG YANG TERLIBAT.

MENURUT LAPORAN ITU, KATA DUA ITU DIBERI MEMANDANG TUDUHAN-TUDUHAN BERBAGAI PIHAK BAHAWA LAPORAN SEMENTARA JAWATAN KUASA ITU TIDAK MENDEDAHKAN ORANG-ORANG YANG TERLIBAT DALAM SKANDAL PINJAMAN BMF. -- LAGI

1939MST 16 11 84

U B114 AAB

HAHATHIR - BHF 2 KUALA LUMPUR

LAPORAN SEMENTARA JAWATANKUASA ITU TELAH DIUMUMKAN OLEH MENTERI KEWANGAN ENCIK DAIM ZAINUDDIN PADA 2 NOVEMBER LALU YANG TIDAK MENYENTUHTENTANG ORANG-ORANG YANG TERLIBAT DALAM SKANDAL PINJAMAN \$2.5 RIBU JUTA ITU.

DITANYA SAMA ADA KERAJAAN TELAH MENERIMA KATA DUA DARIPADA JAWATANKUASA PENYIASAT ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU ENGGAN MENGULAS SESUATU YANG DISPEKULASI.

DITANYA LAGI SAMA ADA ITU BERKATA BELIAU MENAFIKAN DAKWAAN ITU BELIAU MENGULANGI +TIDAK ADA Komen+.

KEPADA SOALAN SAMA ADA BELIAU TELAH MENERIMA LAPORAN KEDUA SEPERTI DILAPORKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR HANYA MEMBERI SENYUMAN.

PERDANA MENTERI JUGA ENGGAN MEMBERI KOMEN TERHADAP SATU LAGI LAPORAN OLEH AKHBAR TEMPATAN YANG SAMA BAHAWA PEGUAM NEGARA TAN SRI ABUTALIBOTHMAN SEDANG MENGAJAI LAPORAN JAWATANKUASA. ITU SAHA ADA APA-APATI TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP MEREKA YANG TERLIBAT. -- LAGI

1943MST 16 11 84

D726

U B115 AAB

MAHATHIR - BMF 3 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU, KETUA AUDIT NEGARATAN SRI AHMAD NOORDIN ZAKARIA DILAPORKAN OLEH SEBUAH AKHBAR TEMPATAN LAIN BAHAWA BELIAU TELAH HENYERAHKAN KEPADA BANK BUMIPUTERA MALAYSIA BERHAD BELIAU TELAH SULIT KHAS YANG MENGESYORKAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG SATU LAPORAN TERHADAP PEGAWAI-PEGAWAI TERTENTU BMF.

BELIAU DIKATAKAN TELAH MENYERAHKAN LAPORAN SULIT ITU KEPADA PENERUSI EKSEKUTIF BANK BUMIPUTERA DR NAWAWI MAT AW IN. LAPORAN SULIT ITU MENCADANGKAN SUPAYA DR. NAWAWI MENDAPATKAN NASIHAT PEGUAM NEGARA SEBELUM MENGAMBIL APA JUA TINDAKAN DAKAN UNDANG-UNDANG. --BERNAMA

1949MST 16 11 84